


Telefon : 088-257111  
Faks : 088-212655  
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI  
Wisma Kewangan  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

---

RUJ: JBN No. (A) 100-43/4405/(2-3)

25 April 2003

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Bendahari Daerah  
Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan Negeri Sabah, Kota Kinabalu  
Pengarah Unit Permodenan Tadbiran Malayaisa (MAMPU), Kota Kinabalu  
Setiausaha Kumpulan Wang Pencen Balu-Balu dan Anak Yatim Sabah

Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 2 TAHUN 2003  
PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN SISVOT 2003 VERSI 2.0**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penguatkuasaan penggunaan SISVOT 2003 versi 2.0. Penguatkuasaan ini merangkumi penggunaan Modul Satu Baucar Banyak Cek .

**2. MODUL SATU BAUCAR BANYAK CEK**

Modul Satu Baucar Banyak Cek telah dikemaskini dalam SISVOT 2003 versi 2.0. Proses **Satu Baucar Banyak Cek** adalah untuk memudahkan proses penyediaan baucar dan cek yang melibatkan **jenis transaksi yang sama** dan menggunakan **Kepala Peruntukan yang sama**. Menu ini adalah pilihan bagi memudahkan pengguna untuk memproses baucar yang melibatkan lebih dari satu penerima dan tidak perlu menggunakan banyak baucar bagi jenis bayaran yang sama. Walaubagaimanapun setiap baucar dihadkan bilangan penerima kepada dua puluh (20) sahaja. Jika terlalu ramai penerima, agihkan bilangan penerima tersebut agar setiap baucar mengandungi tidak lebih daripada 20 orang.

**3. TARIKH PELAKSANAAN PENGGUNAAN SISVOT 2003 VERSI 2.0**

Penggunaan SISVOT2003 versi 2.0 adalah berkuatkuasa mulai **1 Mei 2003**.

**4. PENUTUP**

Jika ada kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Pembangunan Sistem Maklumat dan Perakaunan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah melalui nombor telefon 088-257111 ext. 3120 atau 3139 untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"  
"BERJIMAT DAN MENABUNG AMALAN MULIA"**



**(PHILIP N.K. CHIU)**  
**Bendahari Negeri**

s.k. Pengarah Jabatan Audit Negara Kota Kinabalu.